

# PEREMPUAN YANG HARAM DIKAHWINI

## Pendahuluan

Islam mensyariatkan dan menggalakkan perkahwinan. Walaupun begitu, Islam mengharamkan berkahwin dengan beberapa golongan perempuan.

Pengharaman itu dilakukan kerana beberapa sebab. Antaranya sebagai satu penghormatan dan penghargaan kepada perempuan tersebut seperti mengahwini ibu kandung sendiri.

Antaranya kerana fitrah semula jadi manusia tidak mengingini perkara tersebut seperti mengahwini anak perempuan dan adik beradik perempuan sendiri.

Antaranya kerana matlamat perkahwinan iaitu menjaga kehormatan tidak dapat dicapai dengan sempurna apabila mengahwini kaum-kerabat yang rapat seperti berkahwin dengan anak saudara atau cucu perempuan. Ini kerana pergaulannya dengan mereka adalah terlalu rapat.

Antaranya kerana di antara matlamat perkahwinan ialah untuk menyusun binaan dan hubungan kekeluargaan. Oleh itu diharamkan berkahwin dengan anak-anak perempuan dan cucu-cucu perempuan susuan.

Dengan sebab tujuan dan matlamat ini, Islam mengharamkan perkahwinan sebahagian golongan perempuan dengan sebahagian golongan lelaki. Berikut adalah keterangan kepada pengharaman tersebut:

## Perempuan yang haram dikahwini

Perempuan yang haram dikahwini terbahagi kepada dua:

1. Haram selama-lamanya.
2. Haram untuk sementara waktu.

### Haram selama-lamanya.

Maksud haram selama-lamanya ialah perempuan yang haram dikahwini oleh seseorang lelaki untuk selama-lamanya, walau bagaimanapun keadaan dan ketika.

### **Sebab pengharaman untuk selama-lamanya.**

Haram untuk selama-lamanya disebabkan tiga faktor:

1. Hubungan keturunan (nasab)
2. Hubungan perkahwinan
3. Faktor penyusuan

#### ✓ *Haram kerana hubungan keturunan (nasab).*

Tujuh golongan yang diharamkan kerana hubungan keturunan iaitu:

1. Ibu, nenek sebelah ibu dan nenek sebelah bapa. Golongan ini diistilahkan sebagai *usul* manusia (kerana dianggap sebagai *asal* kepada seseorang manusia). Tidak boleh dikahwini salah seorang daripada golongan ini.
2. Anak perempuan, cucu perempuan dari anak lelaki dan cucu perempuan dari anak perempuan. Golongan ini diistilahkan sebagai *furu'* manusia (kerana dianggap sebagai cabang kepada keturunan manusia). Mereka juga haram dikahwini.
3. Adik beradik perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu. Golongan ini diistilahkan sebagai *furu'* ibu bapa (kerana mereka dianggap sebagai cabang dari ibu bapa). Mereka haram dikahwini selama-lamanya.
4. Anak perempuan kepada adik beradik lelaki yang seibu sebapa, atau sebapa atau seibu.
5. Anak perempuan kepada adik-beradik perempuan yang seibu sebapa atau sebapa atau seibu.
6. Ibu saudara sebelah bapa iaitu adik beradik perempuan kepada bapa. Begitu juga ibu saudara sebelah bapa sebapa dan ibu saudara sebelah bapa seibu. Golongan ini diistilahkan sebagai *furu'* datuk dan nenek sebelah bapa. Mereka haram dikahwini dalam apa juga keadaan.
7. Ibu saudara sebelah ibu iaitu adik-beradik perempuan kepada ibu. Begitu juga ibu saudara sebelah ibu seibu dan ibu saudara sebelah ibu sebapa. Golongan ini diistilahkan sebagai *furu'* datuk dan nenek sebelah ibu. Mereka haram dikahwini selama-lamanya.

Pengharaman mengahwini golongan di atas berpandukan kepada firman Allah Taala yang bermaksud:

*"Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan berikut); ibu-ibu kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu (adik beradik), saudara-saudara bapa kamu (ibu saudara sebelah bapa), saudara-saudara ibu kamu (ibu saudara sebelah ibu), anak-anak perempuan saudara lelaki kamu (anak perempuan kepada adik beradik lelaki), anak-anak perempuan saudara perempuan kamu (anak perempuan kepada adik beradik perempuan)...". (An-Nisa': 23)*

Jika akad berlaku dengan salah seorang daripada golongan ini, akadnya adalah terbatal. Jika seseorang menghalalkan perbuatan tersebut, dia menjadi kafir.

Berdasarkan fakta di atas, seseorang wanita diharamkan berkahwin dengan bapa, datuk sebelah bapa, datuk sebelah ibu dan keseluruhan orang yang menjadi punca kelahirannya. Dia juga diharamkan berkahwin dengan anak lelaki, cucu dari anak lelaki, cucu dari anak perempuan serta seluruh cabang keturunannya. Dia juga diharamkan berkahwin dengan adik-beradiknya yang seibu sebapa, adik-beradik sebapa dan adik beradik seibu. Dia juga diharamkan berkahwin dengan anak-anak saudara dari adik-beradik lelaki dan anak-anak saudara dari adik-beradik perempuannya. Begitu juga diharamkan dia berkahwin dengan bapa saudara sebelah bapa dan bapa saudara sebelah ibu, bapa saudara ibu dan bapa saudara bapanya.

### Haram kerana perkahwinan.

Terdapat empat golongan wanita yang haram dikahwini kerana hubungan perkahwinan:

1. Isteri bapa (ibu tiri). Haram juga mengahwini isteri datuk (nenek tiri) sebelah bapa dan isteri datuk sebelah ibu. Mereka diistilahkan sebagai isteri-isteri *usul* manusia. Mereka haram dikahwini selama-lamanya. Allah berfirman:

وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ  
كَانَ فَنِجْشَةً وَمَقْتًا وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٢٢﴾

"Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan) yang telah diperisterikan oleh bapa kamu, kecuali apa yang telah berlaku pada masa lalu. Sesungguhnya (perbuatan) itu adalah satu perkara yang keji, dan dibenci (oleh Allah), serta menjadi seburuk-buruk jalan (yang dilalui di dalam perkahwinan)." (An-Nisa': 22)

2. Isteri anak (menantu), isteri cucu lelaki sebelah anak lelaki dan isteri cucu lelaki sebelah anak perempuan. Begitulah seterusnya isteri-isteri *furu'* yang lain. Mereka haram dikahwini sama sekali. Firman Allah Taala:

وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ

"Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu." (An-Nisa': 23)

Bekas isteri anak angkat tidak termasuk dalam firman Allah: "yang berasal dari benih kamu". Orang-orang di zaman jahiliah mengambil anak angkat (dengan menjadikannya sebagai anak sendiri) dan mengharamkan berkahwin dengan bekas isteri anak angkat mereka. Islam telah membatalkan pengambilan

anak angkat dan menghalalkan bapa angkat berkahwin dengan bekas isteri anak angkat mereka. Firman Allah Taala:

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ذَلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ ﴿٤١﴾

"Dan Dia juga tidak menjadikan anak-anak angkat kamu sebagai anak kamu sendiri. (Segala-gala yang kamu dakwakan mengenai perkara-perkara) yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Dan (ingatlah) Allah menerangkan yang benar, dan Dialah jua yang memimpin ke jalan yang betul". (Al-Ahzab: 4)

Firman Allah Taala:

لِيَكُنِيَ لَا يَكُونُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِي أَزْوَاجِ أَدْعِيَائِهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرًا وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾

"Supaya tidak ada keberatan atas orang-orang yang beriman untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat mereka itu telah selesai habis kemahuannya terhadap isterinya (lalu menceraikannya). Dan sememangnya perkara yang dikehendaki oleh Allah itu tetap akan berlaku." (Al-Ahzab: 37)

3. Ibu mertua. Seseorang lelaki tidak harus mengahwini ibu mertuanya.

Firman Allah Taala:

وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ

"Dan (haram dikahwini) ibu-ibu isteri kamu." (An-Nisa': 23)

Haram juga dikahwini semua datuk isteri, moyang dan seterusnya.

Ketiga-tiga golongan yang disebutkan di atas, haram dikahwini sebaik sahaja berlangsungnya akad nikah, sama ada berlaku persetubuhan selepas akad ataupun tidak. Sekiranya akad nikah dengan salah seorang daripada golongan tersebut dilangsungkan, akadnya adalah terbatal.

4. Anak perempuan kepada isteri (anak tiri). Anak tersebut diharamkan berkahwin dengan bapa tiri selepas bapa tiri bersetubuh dengan ibunya. Firman Allah Taala:

وَرَبِّبُكُمْ الَّتِي فِي حُجُورِكُمْ مِنْ نِسَائِكُمُ الَّتِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ



*"Dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang telah kamu campuri (setubuhi), tetapi kalau kamu belum mencampuri mereka (isteri-isteri kamu) itu (dan kamu telah menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu berkahwin dengannya (anak-anak tiri kamu)." (An-Nisa': 23)*

Pengharaman berkahwin dengan anak tiri tidak hanya terhad kepada mereka yang tinggal bersama dengan ibunya sahaja tetapi juga kepada anak-anak tiri yang tinggal jauh dari ibunya.

Disebutkan perkataan "*dalam pemeliharaan kamu*" hanyalah untuk menerangkan kebiasaan yang berlaku kepada anak tiri; iaitu mereka akan dipelihara dan tinggal bersama bapa tirinya.

Begitu juga seseorang wanita diharamkan berkahwin dengan bapa tirinya, suami anak perempuannya (menantu), anak tirinya serta mertuanya.

#### *Haram kerana susuan*

Terdapat tujuh golongan wanita yang diharamkan berkahwin kerana susuan. Al-Quran hanya menyebutkan dua golongan sahaja. Bakinya disebutkan oleh nabi Muhamad s.a.w. di dalam hadis-hadisnya. Tujuh golongan itu ialah:

1. Ibu susuan. Iaitu ibu yang menyusukan kamu. Turut diharamkan ialah ibu kepada ibu (nenek) susuan, nenek kepada ibu susuan sebelah ibu dan nenek kepada ibu susuan sebelah bapa. Tidak harus mengahwini salah seorang daripada golongan tersebut.
2. Adik beradik perempuan susuan. Iaitu perempuan yang menyusu dengan ibu kamu atau kamu menyusu dengan ibunya atau kamu dan dia menyusu dengan perempuan yang sama.

Apabila perempuan tersebut menyusu dengan ibu kamu, dia menjadi haram kepadamu dan kepada semua adik-beradikmu. Tetapi kamu boleh berkahwin dengan adik-beradik perempuannya yang lain kerana mereka tidak menyusu dengan ibumu.

Jika kamu menyusu dengan ibu perempuan tersebut, kamu diharamkan berkahwin dengannya dan dengan semua adik beradik perempuannya. Tetapi dia dan adik-beradik perempuannya boleh berkahwin dengan adik-beradik lelaki kamu kerana mereka tidak menyusu dengan ibumu dan adik-beradik lelaki kamu tidak menyusu dengan ibunya.

Pengharaman berkahwin dengan ibu dan adik beradik perempuan susuan adalah berpandukan firman Allah:

وَأُمَّهَاتِكُمُ اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتِكُمْ مِنَ الرَّضَاعَةِ

*"Dan (diharamkan kamu berkahwin dengan) ibu-ibu yang menyusukan kamu dan saudara-saudara kamu (adik beradik) yang sesusu." (An-Nisa': 23)*

8. Anak perempuan kepada adik beradik lelaki susuan.
4. Anak perempuan kepada adik beradik perempuan susuan.
5. Ibu saudara susuan, iaitu adik beradik susuan dengan bapamu.
6. Ibu saudara susuan, iaitu adik beradik susuan dengan ibumu.
7. Anak perempuan susuan, iaitu perempuan yang menyusu dengan isterimu. Ini bererti kamu menjadi bapa susuannya.

Rasulullah menjelaskan perkara tersebut dengan sabdanya:

إِنَّ الرِّضَاعَةَ تُحَرِّمُ مَا يَحَرِّمُ مِنَ الْوَلَادَةِ

*"Sesungguhnya penyusuan itu mengharamkan apa yang diharamkan oleh kelahiran."<sup>16</sup>*

*"Ibnu Abbas r.a. berkata: Nabi s.a.w. bersabda kepada anak perempuan Hamzah r.a.: "Dia tidak halal bagiku. Diharamkan disebabkan susuan apa yang diharamkan disebabkan keturunan. Dia adalah anak perempuan saudara susuanku."<sup>17</sup>*

Begitu juga dengan seseorang perempuan. Dia diharamkan berkahwin dengan bapa susuan, anak susuan, adik beradik susuan, anak saudara susuan, adik beradik susuan bapanya dan adik beradik susuan ibunya.

### ***Haram berkahwin dengan susuan disebabkan hubungan perkahwinan***

1. Ibu mertua susuan, iaitu ibu yang menyusukan isteri kamu.
2. Anak tiri susuan, iaitu perempuan yang disusu oleh isterimu, tetapi dari susu suami yang lain.
3. Isteri bapa (ibu tiri) susuan, iaitu isteri bapa susuan yang kamu menyusu dengan isterinya yang kedua.
4. Isteri anak (menantu) susuan, iaitu isteri kepada lelaki yang disusu oleh isterimu.

### **Haram untuk sementara waktu**

Perempuan yang haram dikahwini untuk sementara waktu sahaja ialah perempuan yang haram dikahwini disebabkan oleh halangan-halangan tertentu.

16 Riwayat Bukhari dan Muslim daripada Aishah r.a.

17 Riwayat Bukhari dalam kitab syahadat, bab syahadat kepada keturunan dan penyusuan, nombor 2502, 2503; Muslim dalam kitab penyusuan, bab diharamkan disebabkan penyusuan sebagaimana diharamkan disebabkan kelahiran, dan bab haram anak saudara perempuan susuan, Hadis nombor 1444, 1447.

Jika halangan itu hilang, perempuan itu boleh dikahwini. Jika akad kahwin berlaku sebelum halangan-halangan tersebut hilang, akadnya batal.

Perempuan yang haram dikahwini untuk sementara waktu ialah:

1. Berkahwin dengan dua beradik perempuan sekali gus.

Haram memadukan dua beradik sama ada kedua-dua beradik itu dari satu keturunan atau dua beradik susuan, sama ada akad nikah dengan kedua-duanya dijalankan serentak atau pada waktu yang berbeza.

Sekiranya akad nikah dengan kedua beradik tersebut dilakukan sekali gus, kedua-dua akad adalah batal. Jika akad nikah dilakukan pada dua waktu yang berbeza, akad yang kedua adalah terbatal.

Sekiranya isteri pertama meninggal dunia atau diceraikan dan tempoh iddahnya telah tamat, lelaki tersebut boleh mengahwini adik-beradik bekas isterinya. Firman Allah Taala:

وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا  
رَّحِيمًا

*"Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu) kecuali yang telah berlaku pada masa lalu. Sesungguhnya Allah adalah Amat Pengampun, lagi Amat Mengasihi."*  
(An-Nisa': 23)

2. Memadukan seorang perempuan dengan ibu saudara sebelah ibunya atau ibu saudara sebelah bapanya dan memadukan seorang perempuan dengan anak perempuan kepada adik-beradik perempuannya atau anak perempuan kepada adik-beradik lelakinya, atau memadukan seorang perempuan dengan anak perempuan kepada anak lelakinya atau anak perempuan kepada anak perempuannya.

Para ulama fikah telah meletakkan kaedah pengharaman memadukan dua orang perempuan dalam kaedah: *"Diharamkan memadukan dua orang perempuan yang jika ditakdirkan salah seorang daripada mereka adalah lelaki, mereka haram berkahwin sesama mereka."*

Hukum di atas berpandukan kepada hadis nabi Muhamad s.a.w.:

لَا يُجْمَعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا وَلَا بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالَئِهَا

*"Tidak boleh dimadukan seorang perempuan dengan ibu saudara sebelah bapanya dan ibu saudara sebelah ibunya."<sup>18</sup>*

18 Riwayat Bukhari dalam kitab nikah, bab tidak boleh dimadukan perempuan dengan ibu saudaranya, nombor 4820; Muslim dalam kitab haram memadukan seorang wanita dengan ibu saudaranya, nombor 1408, daripada Abu Hursairah r.a.

## Hikmat pengharaman.

Hikmat pengharaman memadukan perempuan-perempuan yang disebutkan di atas ialah kerana perkahwinan seumpama itu akan menyebabkan timbulnya perasaan cemburu yang akan melahirkan dendam sesama saudara.

Ibnu Hibban meriwayatkan:

*Nabi Muhammad s.a.w. melarang seorang lelaki memadukan seorang perempuan dengan ibu saudaranya sambil bersabda: "Jika kamu melakukannya, ia boleh memutuskan tali silaturrahim kamu."*

Isa bin Talhah berkata:

*"Nabi melarang seorang lelaki memadukan seorang perempuan dengan saudara terdekatnya kerana bimbang perbuatan tersebut boleh memutuskan tali silaturrahim."<sup>19</sup>*

Jika salah seorang daripadanya mati atau diceraikan dan edahnya telah tamat, bolehlah lelaki tersebut mengahwini saudara perempuannya yang lain.

### 8. Berkahwin lebih daripada empat orang perempuan.

Seseorang lelaki tidak diharuskan mengahwini isteri kelima sebagai tambahan kepada empat orang isteri yang masih lagi dikahwini. Kecuali jika dia menceraikan salah seorang daripada mereka dan selesai edahnya atau salah seorang daripada isterinya meninggal dunia. Jika salah seorang daripada isterinya telah meninggal dunia atau telah diceraikan, bolehlah dia berkahwin dengan perempuan yang kelima. Firman Allah Taala:

فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلثَ وَرُبْعَ

*"Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain) dua, tiga atau empat". (An-Nisa': 3)*

Qais bin al-Haris r.a. berkata:

*"Saya memeluk Islam dan saya mempunyai lapan orang isteri. Saya memberitahu perkara itu kepada Nabi s.a.w., Baginda bersabda: "Pilihlah empat sahaja dari mereka."<sup>20</sup>*

### 4. Perempuan kafir yang menyembah berhala.

Perempuan kafir yang dimaksudkan tidak termasuk perempuan ahli kitab. Perempuan kafir boleh dikahwini jika mereka memeluk Islam. Firman Allah Taala:

19 Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam kitab hadis-hadis mursal. Lihat Nailul Authar 6/157.

20 Lihat Sunan Abu Daud kitab talak, bab sesiapa yang memeluk Islam dan dia mempunyai lebih daripada empat orang isteri atau beristerikan dua beradik perempuan.



وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ تُؤْمِنَ وَلَا أُمَّةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَا  
أَعْجَبَتْكُمْ

"Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam), dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman lebih baik daripada perempuan kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu". (Al-Baqarah: 221)

### Peringatan:

*Pertama:* Perempuan Islam tidak diharuskan berkahwin dengan lelaki bukan Islam walau apapun jenis agamanya. Ini kerana suami berkuasa ke atas isteri sedangkan seorang kafir tidak boleh menguasai orang Islam. Di samping itu orang kafir juga tidak boleh menjamin keselamatan agama perempuan itu kerana beliau tidak beriman. Firman Allah Taala:

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾

"Dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang yang beriman." (An-Nisa': 141)

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَا  
أَعْجَبَتْكُمْ ۗ أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ  
بِإِذْنِهِ ۗ وَبَيِّنُ ۙ آيَاتِهِ ۙ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

"Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk Islam). Dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik dari seorang lelaki kafir musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (Yang demikian ialah kerana) orang-orang kafir itu mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan memberi keampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum) kepada umat manusia supaya mereka dapat mengambil pengajaran daripadanya." (Al-Baqarah: 221)

Jika lelaki kafir itu memeluk Islam, bolehlah perempuan Islam berkahwin dengannya. Jika akad nikah berlaku sebelum lelaki itu memeluk Islam, akad itu batal. Kita mesti memisahkan di antara mereka dengan segera. Jika berlaku persetubuhan, persetubuhan itu adalah zina.

*Kedua:* Lelaki Islam diharuskan berkahwin dengan perempuan Yahudi atau

Nasrani kerana boleh jadi perkahwinan itu menyebabkan perempuan itu serta kaum keluarganya memeluk Islam serta meneliti dan mencintai Islam.

Suami yang Islam tidak boleh memaksa isterinya menukar agama serta menyusahkannya untuk beribadat. Firman Allah Taala:

وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ وَالْحَمَّاتُ  
مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْحَمَّاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا  
ءَاتَيْتُمُوهُنَّ أَجْرَهُنَّ مُحْصِينَ غَيْرِ مُسْفِحِينَ وَلَا مُتَّخِذِي أَخْدَانٍ

"Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka). Dan diharamkan kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya (suci) dari perempuan-perempuan yang beriman. Dan juga perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya (suci) dari orang-orang yang diberikan kitab dahulu dari kamu apabila kamu memberikan mereka mas kahwin mereka, sedang kamu (dengan cara yang demikian) bernikah bukan berzina, dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan simpanan." (Al-Maidah: 5)

#### 5. Perempuan yang sudah berkahwin (mempunyai suami)

Seseorang lelaki tidak diharuskan berkahwin dengan perempuan yang sudah bersuami serta masih lagi dalam jagaannya sehinggalah suaminya meninggal dunia atau diceraikan dan edahnya telah tamat. Jika suaminya telah meninggal dan edahnya telah tamat, beliau boleh berkahwin dengannya. Firman Allah Taala:

وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ النِّسَاءِ

"Dan (haram kamu berkahwin) dengan wanita yang bersuami."  
(An-Nisa': 24)

#### 6. Perempuan yang masih dalam edah.

Haram bagi seseorang lelaki berkahwin dengan wanita yang masih berada dalam edah, sama ada edah kerana diceraikan atau kerana kematian suami. Perempuan itu halal dikahwini apabila edahnya selesai. Firman Allah Taala:

وَلَا تَعْرِضُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجْلَهُ

"Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum habis edah yang ditetapkan itu." (Al-Baqarah: 235)

Maksudnya janganlah kamu bersungguh untuk mengadakan akad nikah sehingga perempuan tersebut telah selesai edahnya dengan sempurna sebagaimana yang telah disebutkan di dalam al-Quran.

#### 7. Perempuan yang diceraikan dengan talak tiga.

Bagi perempuan yang diceraikan dengan talak tiga, bekas suaminya tidak dibenarkan mengahwininya semula sehingga dia berkahwin dengan lelaki lain dengan perkahwinan yang syarie lagi sah dan dia telah diceraikan oleh suami kedua serta edahnya selesai. Jika perkara ini berlaku, suami pertama diharuskan mengahwini bekas isterinya dengan mengadakan akad yang baru. Firman Allah Taala:

فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدُ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ، فَإِنْ طَلَّقَهَا  
فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يَتَرَاجَعَا إِنْ ظَنَّا أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ، وَتِلْكَ  
حُدُودُ اللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٢٣٠﴾

"Sudah (diceraikan dua kali) itu, jika diceraikan pula (bagi kali ke tiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga dia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau dia diceraikan (oleh suami baru itu dan habis edahnya), maka mereka berdua (suami lama dan bekas isterinya) tidaklah berdosa untuk kembali (berkahwin semula), jika mereka kuat menyangka akan menegakkan peraturan-peraturan hukum Allah. Dan itulah peraturan-peraturan hukum Allah, diterangkan kepada kaum yang mahu mengetahui dan memahaminya". (Al-Baqarah: 230)

Aishah r.a. berkata:

Isteri Rifaah al-Qurazi datang menemui Nabi s.a.w. dan berkata: aku adalah isteri Rifaah. Dia menceraikan aku dengan talak tiga, lalu aku berkahwin dengan Abdul Rahman bin Az-Zubair tetapi semasa aku bersamanya dia seperti di tepi kain (kiasan yang menunjukkan ketidakupayaan untuk bersetubuh). Sabda Nabi: "Adakah kamu ingin kembali semula kepada Rifaah? Tidak boleh, sehinggalah kamu merasai kemanisannya dan dia merasai kemanisan kamu (iaitu bersetubuh)."<sup>21</sup>